

AVORAX CREAM 5% W/W

Acyclovir (5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Avorax Cream
2. Bagaimana Avorax Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Avorax Cream
4. Cara menggunakan Avorax Cream
5. Semasa menggunakan Avorax Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Avorax Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Avorax Cream

Ia digunakan untuk merawat jangkitan virus herpes simplex (kudis herpes) pada kulit, termasuk jangkitan awal atau jangkitan berulang pada bibir dan kawasan kemaluan.

Bagaimana Avorax Cream berfungsi

Avorax mengandungi bahan aktif, Acyclovir. Acyclovir adalah anti-viral yang menghalang pertumbuhan virus dengan mencegah penyebaran virus di dalam badan.

Sebelum menggunakan Avorax Cream

Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan gunakan Avorax Cream jika anda
- ada alahan (hipersensitif) terhadap Acyclovir atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
 - mahu menggunakannya di kawasan yang bermukus (lendir) seperti di dalam mulut, mata atau faraj.

Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusu.
- mengalami masalah kesihatan yang lain.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Avorax Cream

Berapa banyak harus digunakan

Sapu pada kawasan jangkitan untuk 5 – 10 hari berturut-turut:

- setiap 3 – 4 jam sehari, Atau
- 5 kali sehari

Bila perlu digunakan

Sapukan sebaik sahaja jangkitan dikesan. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan penggunaan yang disarankan oleh doktor atau ahli farmasi.

Rawatan biasanya diteruskan selama 5 hari selepas sembuh, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika terlupa menggunakan

Ambil secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Ambil dos seterusnya seperti biasa.

Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda terguna secara berlebihan atau bimbang dengan keadaan yang dialami.

Semasa menggunakan Avorax Cream

Perkara yang perlu dilakukan

Cuci tangan sebelum dan selepas menggunakan krim ini. Gosokkan ubat secara perlahan pada kawasan jangkitan.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Krim ini hanya untuk kegunaan pada kulit sahaja. Tidak boleh digunakan pada mata, faraj dan di dalam mulut. Tidak boleh dimakan.

Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- alah terhadap Avyclovir atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- hamil atau menyusukan anak.

Kesan-kesan sampingan

- Rasa pedih dan rasa bahang.
- Kulit kemerahan.
- Kulit kering.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau lawan web portal.bpfk.gov.my (*consumers* → *Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Avorax Cream

Penyimpanan

Simpan di bawah 25°C di tempat dingin dan kering. Lindungi dari cahaya.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Acyclovir

Bahan tidak aktif

Cetostearyl Alcohol, White Soft Paraffin, Cetomacrogol 1000, Citric Acid, Chlorocresol, Liquid Paraffin, Purified Water.

Nombor Pendaftaran

MAL19961363A

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

17 Februari 2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)161115/00423